



21 September 2012  
21 September 2012  
P.U. (A) 309

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (KESALAHAN YANG DIRAKAMKAN MELALUI KAMERA) 2012

### *ROAD TRANSPORT (CAMERA-RECORDED OFFENCES) RULES 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

**KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (KESALAHAN YANG DIRAKAMKAN  
MELALUI KAMERA) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53A Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Kesalahan yang Dirakamkan Melalui Kamera) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 23 September 2012.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “depoh” ertinya suatu tempat untuk memproses imej yang dirakamkan melalui kamera mudah alih.

**Kamera**

3. (1) Kamera yang digunakan bagi maksud kesalahan yang dirakamkan melalui kamera hendaklah—

(a) terdiri daripada kamera statik atau kamera mudah alih yang menepati spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

(b) diuji dan ditentukur mengikut kaedah 5; dan

(c) berhubung dengan—

(i) kamera statik, dipasang; atau

(ii) kamera mudah alih, dikendalikan,

mengikut mana-mana yang berkenaan, di lokasi sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

### **Sistem pengesan**

4. (1) Sistem pengesan bagi maksud kesalahan yang dirakamkan melalui kamera hendaklah—

(a) berhubung dengan kamera statik, terdiri daripada mana-mana atau semua kelengkapan yang berikut:

- (i) gelung induktif;
- (ii) jaluran piezo;
- (iii) radar;
- (iv) kilauan kamera; atau

(b) berhubung dengan kamera mudah alih, terdiri daripada mana-mana atau semua kelengkapan yang berikut:

- (i) radar;
- (ii) laser;
- (iii) kilauan kamera.

(2) Bagi maksud kamera statik, gelung induktif atau jaluran piezo hendaklah dipasang pada permukaan jalan untuk mengesan kelajuan kenderaan motor atau tidak mematuhi isyarat merah pada isyarat lalu lintas, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Bagi maksud kamera mudah alih, seseorang pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan hendaklah mengaktifkan radar atau laser untuk mengesan kelajuan kenderaan motor.

### **Ujian dan penentukuran**

5. (1) Kamera statik atau kamera mudah alih yang digunakan bagi maksud

kesalahan yang dirakamkan melalui kamera hendaklah diuji dan ditentukur untuk menentusahkan ketepatan kamera itu.

(2) Seseorang pekhidmat awam yang seorang jurutera elektrik atau jurutera mekanik hendaklah memperakui bahawa kamera statik atau kamera mudah alih itu telah diuji dan ditentukur bagi maksud ketepatannya mengikut prosedur yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Bagi maksud subkaedah (2), perakuan itu hendaklah dibuat dalam suatu perakuan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

### **Isyarat zon operasi kamera**

6. Suatu isyarat zon operasi kamera yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Isyarat Lalu Lintas (Saiz, Warna dan Jenis) 1959 [L.N. 167/1959] hendaklah didirikan—

(a) bagi maksud mengesan kelajuan kenderaan motor, antara dua hingga tiga kilometer dari lokasi—

- (i) sistem pengesan bagi kamera statik; atau
- (ii) pengendalian kamera mudah alih,

mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

(b) bagi maksud tidak mematuhi isyarat merah pada isyarat lalu lintas, antara lima puluh hingga lima ratus meter dari lokasi sistem pengesan bagi kamera statik.

### **Notis kesalahan yang dirakamkan melalui kamera**

7. (1) Jika pemunya berdaftar kenderaan motor melakukan suatu kesalahan yang dirakamkan melalui kamera, seseorang pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan boleh, sebagai ganti membuat permohonan kepada mahkamah untuk

mendapatkan saman, menyampaikan suatu notis yang dinyatakan dalam Jadual Keempat mengikut cara penyampaian yang disebut dalam seksyen 118 Akta.

(2) Jika pemunya berdaftar kenderaan motor yang disampaikan suatu notis yang disebut dalam subkaedah (1) bukan pemandu kenderaan motor pada masa kesalahan itu dilakukan, dia hendaklah mengemukakan nama dan alamat orang yang memandu kenderaan motor itu kepada pihak berkuasa yang mengeluarkan notis itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis mengikut seksyen 53B Akta.

### **Pengecualian**

8. Walau apa pun peruntukan Kaedah-Kaedah ini, pengecualian diberikan bagi maksud dan keadaan yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

### **JADUAL PERTAMA** [Perenggan 3(1)(a)]

#### **SPESIFIKASI BAGI KAMERA STATIK DAN KAMERA MUDAH ALIH**

Kamera statik dan kamera mudah alih yang digunakan bagi maksud kesalahan yang dirakamkan melalui kamera hendaklah memenuhi spesifikasi yang berikut:

- (a) kamera statik dan kamera mudah alih hendaklah berupaya merakamkan imej tampak sama ada pegun atau bergerak;
- (b) unit pemprosesan utama kamera statik dan kamera mudah alih hendaklah berupaya mengukur data kelajuan kenderaan motor dari arah yang sama atau arah yang bertentangan;
- (c) lensa kamera statik dan kamera mudah alih hendaklah berupaya memfokus untuk menghasilkan imej yang berkualiti dan boleh dilaras secara manual atau automatik;